

# MAJLIS BERBUKA PUASA DIGITAL PERAK DENGAN KERJASAMA RAKAN USAHASAMA PELAKSANA TELEKOMUNIKASI NEGERI PERAK

## BSKM DAN DIGITAL PERAK BERSAMA-SAMA DEPLOYMENT PARTNER MENYANTUNI DAN MERAIKAN ANAK-ANAK YATIM DAN ASNAD

**IPOH, MEI 5, 2021** – Satu majlis berbuka puasa telah diadakan bagi menyantuni anak-anak yatim dan anak-anak keluarga kurang berkemampuan oleh Digital Perak Corporation Holdings (Digital Perak) di MH Hotel Ipoh, malam ini.

Sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat syarikat, seramai 40 anak-anak yatim dan miskin daripada Pertubuhan Rumah Anak Yatim Nurkasih Al-Harraz, Taman Lapangan Perdana dan Pertubuhan Kebajikan Baitul Aini Anak-Anak Yatim dan Miskin Ipoh, Kuala Pari telah diraikan dalam majlis ini.

Majlis ini telah dilaksanakan dengan sumbangan dan sokongan daripada para rakan usahasama pelaksana telekomunikasi (deployment partner) Negeri Perak, iaitu **Bangkit Setia Sdn. Bhd.**, **Edotco Malaysia Sdn. Bhd.**, **ITMax System Sdn. Bhd.**, **Tele-flow Corporation Sdn. Bhd.**, **Skyline Technology (M) Sdn. Bhd.**, **Naza Communications Sdn. Bhd.**, **Alpha Orange Sdn. Bhd.**, **NST Data Cara Sdn. Bhd.** serta **NIP Global Sdn. Bhd.**

Dalam majlis yang sama, Digital Perak juga memberikan penghargaan kepada para pengamal media yang telah banyak membuat liputan berkaitan aktiviti syarikat sehingga kini.

Majlis penyampaian sumbangan kepada anak-anak yatim dan asnaf serta rakan-rakan media ini disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia, YB Encik Khairul Shahril bin Mohamed.

Di samping itu, majlis ini memberikan peluang bagi mengeratkan silaturahim sesama rakan usahasama pelaksana telekomunikasi Negeri Perak serta pihak pengurusan dan kakitangan Digital Perak.

Hadir bersama-sama memeriahkan majlis, Ketua Pegawai Eksekutif Digital Perak, Meor Rezal Fitri bin Dato' Dr. Hj. Meor Redwan, Pengarah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) Perak, Zairul Nahar Bin Zakaria serta wakil-wakil deployment partner.

